

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang merupakan anak jati Negeri Perak Darul Ridzuan serta berkelayakan untuk memohon kekosongan jawatan di Yayasan Perak seperti berikut: -

1. Jawatan : **Eksekutif Hartanah Gred N29**
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
3. Taraf Jawatan : Kontrak/ Tetap
4. Gaji : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM5,672.00	RM145.00

5. Kemahiran :
 - i) Mempunyai pengalaman kerja antara lima (5) hingga tujuh (7) tahun dalam bidang pengurusan dan pembangunan hartanah termasuk pentadbiran aset hartanah.
 - ii) Mengurus dokumentasi berkaitan hak milik, geran, pelan bangunan, lesen, permit dan dokumen perundangan yang berkaitan.
 - iii) Berhubung dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, perunding, kontraktor, penyewa dan pihak berkepentingan berkaitan urusan hartanah.
 - iv) Memastikan semua urusan hartanah mematuhi undang-undang, peraturan, garis panduan dan polisi organisasi yang berkuat kuasa.
 - v) Membantu dalam pelaksanaan projek pembangunan, pembelian, pelupusan atau pemerolehan hartanah mengikut dasar dan prosedur organisasi.

vi) Mengurus dan menyelenggara rekod semua aset hartanah organisasi secara sistematik dan terkini.

vii) Mahir menggunakan perisian AutoCAD (ACAD) dan Geographic Information System (GIS) serta berkeupayaan menyediakan pelan teknikal, menjalankan analisis spatial dan mengurus data berkaitan hartanah dan tanah.

viii) Mengurus dan menyelaras permohonan kelulusan bagi pengeluaran bahan batuan serta permohonan yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengkuarian kepada pihak berkuasa yang berkaitan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

6. Deskripsi Tugas

: Berperanan dalam menjalankan tugas-tugas pengurusan tanah organisasi, termasuk permohonan tanah, pendaftaran hak milik, pelupusan tanah, urusan hasil tanah, pembangunan tanah, pengambilan balik tanah, pengurusan kes pusaka kecil, urusan ukur tanah, penguatkuasaan berkaitan tanah, pemantauan kerja-kerja penempatan serta semakan dan pengesahan pelan-pelan ukur yang disediakan oleh pihak berkaitan. Turut bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan pengurusan tanah mengikut keperluan organisasi dari semasa ke semasa.

7. Syarat Lantikan

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang daripada 25 tahun dan tidak lebih daripada 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Diploma dalam bidang Ukur Tanah, Perancangan Bandar dan Wilayah, Pengurusan Hartanah, Penilaian, Ukur Bahan, Kejuruteraan Awam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

8. Tarikh Tutup Iklan : **12 Ogos 2026 (Rabu)**

9. Calon yang berminat adalah dipelawa mengemukakan permohonan dengan melengkapkan borang permohonan serta salinan Kad Pengenalan, sijil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Diploma, Ijazah Sarjana Muda (jika berkaitan), resume terkini dan sekeping gambar berukuran pasport melalui e-mel sumbermanusia@yayasanperak.com.my atau diposkan ke alamat seperti berikut :-

**Unit Sumber Manusia
Yayasan Perak
Tingkat 1, Wisma Yayasan Perak,
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah,
30000 Ipoh,
Perak**

10. Catatan :

- a) Hanya calon-calon yang terpilih dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- b) Jika sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh tutup iklan, calon dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- c) Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh : 28 Julai 2026